



21 Jun 2016
KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM SASAR 2,500 KENDERAAN PERSENDIRIAN DAPAT MANFAAT
KEMPEN PEMERIKSAAN KENDERAAN PERCUMA**

Shah Alam, 21 Jun – Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, PUSPAKOM akan menawarkan perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Persendirian Sukarela (Voluntary Vehicle Inspection-VVI) secara **PERCUMA** mulai **23 Jun 2016 sehingga 5 Julai 2016** di semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara kecuali di cawangan Shah Alam, Taman Bukit Maluri, Mak Mandin dan Kota Bharu.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Pada musim perayaan Aidilfitri tahun lepas, kempen yang sama telah dijalankan di mana lebih kurang 1,500 pemilik kenderaan persendirian telah menjalani pemeriksaan VVI secara percuma. Pada tahun ini, sasaran kami adalah untuk memanfaatkan lebih 2,500 pemilik kenderaan persendirian di seluruh negara .”

“Kami berharap agar lebih ramai pemilik kenderaan persendirian akan mengambil peluang ini untuk memeriksa kenderaan mereka. VVI adalah pemeriksaan sukarela dan bukan pemeriksaan mandatori. Ianya bertujuan memastikan kenderaan selamat digunakan di jalan raya serta membolehkan pemilik kenderaan mengenal pasti sebarang masalah yang mungkin timbul sehingga mampu mengundang bahaya kepada pemandu, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain.”

“Proses pemeriksaan VVI ini hanya mengambil masa 30 minit. Pelanggan kemudiannya boleh merujuk kepada bengkel yang bertauliah untuk membaik pulih kenderaan berpandukan laporan VVI sebelum pulang ke kampung.”

“Bagi pemeriksaan sukarela di PUSPAKOM, kenderaan akan diperiksa mengikut 25 peringkat ujian yang menyeluruh termasuklah ujian pengeluaran asap, gelincir sisi, suspensi, ketelusan cahaya cermin, brek dan sebagainya. Pemeriksaan dijalankan oleh pemeriksa kenderaan PUSPAKOM yang bertauliah dengan menggunakan peralatan dan perisian yang terbaik untuk memastikan keselamatan kenderaan berada pada tahap paling optimum.”

“Kami ingin menegaskan bahawa pemeriksaan dan penyelenggaraan kenderaan adalah sama penting. Setiap kenderaan perlu diselenggara mengikut tempoh atau jumlah jarak yang melibatkan penukaran alat-alat ganti seperti minyak hitam, perlu dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam buku panduan. Pemeriksaan kenderaan adalah prosedur yang dapat memastikan bahawa keadaan sesebuah kenderaan itu mematuhi peraturan keselamatan kenderaan, pelepasan asap dan lain-lain aspek yang berkaitan mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh akta-akta yang berkaitan. ”

“Kami menyeru kepada semua pemilik kenderaan agar melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan kenderaan secara berjadual bagi memastikan keadaan kenderaan berada di tahap terbaik.” tambahnya lagi.

Kempen VVI secara percuma ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan tanggungjawab korporat PUSPAKOM dalam meningkatkan tahap kesedaran keselamatan kenderaan di kalangan orang ramai, terutamanya mengenai kepentingan menjalankan pemeriksaan kenderaan secara berkala. Inisiatif ini juga adalah seiring dengan seruan kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi pada musim perayaan.

Selain itu, pelanggan VVI akan diberikan keutamaan dengan terus mengunjungi cawangan dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari (mengikut waktu operasi setiap cawangan) tanpa perlu menunggu dan membuat temujanji. Oleh yang demikian, usah berlengah lagi, hantarkan kenderaan anda ke pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang berdekatan dengan segera!

Lanjutan waktu operasi

Adalah juga dimaklumkan bahawa PUSPAKOM akan melanjutkan waktu operasi di cawangan-cawangan yang dijangka sibuk bagi memenuhi permintaan yang tinggi sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri. Waktu operasi dilanjutkan pada hari Sabtu, 25 Jun 2016 dan 2 Julai 2016, dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di cawangan-cawangan yang berikut:

| Negeri | Cawangan |
|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| Wilayah Tengah | Wangsa Maju, Padang Jawa, Seremban, Taman Bukit Maluri, Batu Caves, Petaling Jaya and Cheras |
| Wilayah Selatan | Alor Gajah, Johor Bahru, Skudai dan Taman Daya |
| Wilayah Timur | Kuantan |
| Wilayah Utara | Mak Mandin, Perai, Teluk kumbar, Alor Setar dan Gopeng |
| Sabah | Kota Kinabalu |
| Sarawak | Kuching |

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, “Semua kakitangan PUSPAKOM telah bersedia dan komited untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Para pelanggan yang mempunyai tarikh luput pemeriksaan yang jatuh pada tarikh tersebut atau cuti umum Hari Raya boleh mengambil kesempatan ini untuk membuat perancangan awal untuk pemeriksaan kenderaan mereka.”

Untuk maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di www.puspakom.com.my.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan kenderaan import baru untuk pendaftaran.

Gambar Ujian Suspensi di PUSPAKOM

Menguji sistem suspensi, termasuk gegelung spring, penyerap hentakan dan penyambung pada setiap gandar. Semua data pemeriksaan yang dijana dari peralatan pemeriksaan akan terus disalurkan ke pangkalan data sistem komputer yang seterusnya menjana laporan pemeriksaan dengan serta-merta



Gambar Ujian Cermin Gelap di PUSPAKOM

Pemeriksa Kenderaan PUSPAKOM yang bertauliah sedang mengukur tahap ketelusan cahaya nyata pada cermin kenderaan bagi memastikan cermin gelap yang dipasang mematuhi undang-undang yang ditetapkan



Sampel Laporan Pemeriksaan Kenderaan Sukarela PUSPAKOM

LAPORAN PEMERIKSAAN SUKARELA B10-F PERSENDIRIAN

** RAFFLE **

No. Reputasi : O 248

| | |
|------------------------------------------|----------------------------------------|
| KATEGORI PEMERIKSAAN : PENGIJAZAN SISTEM | TARIKH PEMERIKSAAN : 04-FEB-2015 |
| NO. PENDAFTARAN : SUKERELLA | BACAAN ODOMETER : 55555 |
| | KOD PUSAT : S01 PUSPAKOM KOTA KINABALU |
| | KOD PENGIRSI : 2340,2340,2340,2340 |

Setelah diperiksa didapati keadaan kenderaan adalah seperti berikut :

| PENGUJIAN DENGAN PERALATAN | | | |
|---------------------------------|---------------|--------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 |
| ASAP CO : 2 % HC : 10 ppm | GELINCOR (MM) | SUSPENSOR Kiri Kanan GAMBAR HADAPAN GAMBAR BELAKANG | KETELUSAN CAHAYA CERMIN (%) HDPS - 90% BLKG - 85% HDPS R. KAMRN - 85% HDPS S. KRJ - 85% |
| LAMPU PENCAR | METER LARI | BREK (%) Kiri Kanan GAMBAR HADAPAN GAMBAR BELAKANG | Isolator Paking |

| BIL. | PERKARA | KEADAAN | BIL. | PERKARA | KEADAAN |
|------|------------------------------------------------------------|---------|------|--------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 8 | NOMBOR PENDAFTARAN | 👍 | 17 | WINDSCREEN GLASS & RUBBER READING | 👍 |
| 9 | LAMPU HADAPAN | 👍 | 18 | WIPER - ARM, BLADE & WASHER | 👍 |
| 10 | LAMPU PENUNJUK ARAH HADAPAN & BELAKANG | 👍 | 19 | WHEELS NUTS / STUDS | 👍 |
| 11 | LAMPU UNDUR | 👍 | 20 | KEADAAN TAYAR & RIM | 👍 |
| 12 | LAMPU BREK KETIGA DAN LAMPU BERHENTI | 👍 | 21 | KETEBALAN BUNGA TAYAR HDPS 1.60 - 1.90 mm HDPS 1.60 - 1.90 mm HDPS 1.60 - 1.90 mm | 👍 |
| 13 | LAMPU BELAKANG DAN LAMPU NO. PENDAFTARAN | 👍 | 22 | KEBOCORAN GAS (NOV) | - |
| 14 | MEKANSMA PENJAJANGAN PINTU (CATCH & LEVER) | 👍 | 23 | KEADAAN EKZOS | 👍 |
| 15 | TEMPAT DUDUK DAN TALJ PINGGANG KELEDAR PEMANDU & PENUMPANG | 👍 | 24 | KEBOCORAN MINYAK ENJIN | 👍 |
| 16 | CERMIN PANDANG SISI & CERMIN PANDANG BELAKANG | 👍 | 25 | KEBOCORAN MINYAK KOTAK GEAR | 👍 |

CATATAN TAMBAHAN (JIKA ADA) :

PETUNJUK

👍 MEMUJASKAN 🗨️ TIDAK MEMUJASKAN

PERHATIAN

- Laporan pemeriksaan ini dikeluarkan berdasarkan keadaan kenderaan yang diperiksa seperti dicatat pada tarikh dan waktu pemeriksaan sahaja dan terhad kepada tem pemeriksaan. Keadaan kenderaan boleh mengalami perubahan selepas tarikh diperiksa. Perubahan ini termasuklah perubahan identiti, fizikal kenderaan, perubahan yang dilakukan oleh pemilik, ejen atau wakil pemilik, pembaikan atau perubahan akibat penggunaan kenderaan. PUSPAKOM tidak bertanggungjawab ke atas perubahan-perubahan terhadap kenderaan yang berlaku sebelum atau selepas pemeriksaan PUSPAKOM.
- Laporan pemeriksaan ini hanyalah sebagai rujukan persendirian dan tidak boleh digunakan bagi tujuan pembelian, jualan atau sebarang transaksi komersial.